



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI  
JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA MINGGU IMUNISASI SEDUNIA**

**24 – 30 APRIL 2022**

**TEMA:  
'KEHIDUPAN YANG BERPANJANGAN'  
(LONG LIFE FOR ALL)**

1. Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam sekali lagi tidak ketinggalan menyertai negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang lain dalam menyambut Minggu Imunisasi Sedunia pada 24 hingga 30 April 2022. Minggu Imunisasi Sedunia ini disambut setiap tahun dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan vaksin, yang mana ianya boleh melindungi setiap peringkat umur daripada penyakit dan memberi kesempatan bagi semua untuk meneruskan kehidupan yang sihat dan bermakna.
2. Seperti lazimnya, setiap tahun Minggu Imunisasi Sedunia mempunyai tema yang berbeza yang dijadikan sebagai satu landasan utama untuk menarik perhatian penduduk dunia

mengenai isu-isu yang berkaitan dengan immunisasi. Tema pada tahun ini iaitu '**Kehidupan yang berpanjangan**' atau *Long Life for All* telah dipilih dengan tujuan untuk menyatukan semua lapisan masyarakat bahawa vaksin membolehkan kita mengejar impian, melindungi orang tersayang dan menjalani kehidupan yang panjang dan sihat, In Shaa Allah.

3. Pemberian vaksin merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting lagi kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit dan seterusnya bagi menangani isu-isu kesihatan global. Kempen tahun ini datang pada masa yang sangat kritikal kerana pandemik COVID-19 telah mengganggu perkhidmatan kesihatan yang penting, termasuk imunisasi rutin. Dalam masa dua dekad yang lalu, lebih dari 1.1 bilion kanak-kanak telah menerima imunisasi yang mana telah dapat menyelamatkan 4 hingga 5 juta nyawa setiap tahun, di samping dapat mengurangkan separuh dari kematian kanak-kanak di seluruh dunia. Malangnya disebabkan oleh pandemik COVID-19, berjuta-juta orang telah kehilangan manfaat vaksin yang boleh menyelamatkan nyawa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah melaporkan liputan vaksinasi global telah menurun daripada 86% pada tahun 2019 ke 83% pada tahun 2020. Dianggarkan sebanyak 23 juta kanak-kanak di bawah umur 1 tahun tidak menerima vaksin asas, iaitu jumlah tertinggi sejak tahun 2009. Pada tahun 2020 pula, bilangan kanak-kanak yang tidak divaksin

sepenuhnya meningkat sebanyak 3.4 juta. Di samping itu juga, 1.6 juta kanak-kanak perempuan tidak dapat dilindungi sepenuhnya daripada *human papillomavirus* (HPV) pada tahun 2020, berbanding tahun sebelumnya. Justeru itu, adalah penting bagi mereka yang terlepas ini untuk mendapatkan vaksin dengan segera.

4. Program imunisasi yang bersistematik adalah antara komponen yang sangat penting dalam penjagaan kesihatan yang harus diberikan kepada setiap individu dari sejak permulaan usia mereka semasa anak damit sehingga dewasa. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di Negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin secara percuma daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan. Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan (kanak-kanak yang berumur 0-5 tahun) adalah salah satu program yang disediakan di setiap klinik dan pusat kesihatan di Negara ini. Semua ini adalah salah satu langkah ke hadapan dalam memperluaskan akses kepada imunisasi terutamanya di kalangan anak-anak damit dan kanak-kanak di Negara ini, di samping untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goal 2030*) dan Liputan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage*).

5. Alhamdulillah, dengan adanya Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak iaitu ditahap yang melebihi 95% liputan setiap tahun. Statistik kadar liputan imunisasi di kalangan kanak-kanak ini telah mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goal 2030*). Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan masih terus akan berusaha untuk menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada agar pencapaian ini dapat dikekalkan dan juga ditingkatkan. Di antara impak kesihatan yang sangat ketara dari pemberian vaksin kepada anak-anak damit ini adalah ianya boleh mencegah penyakit, kecacatan dan kematian seperti dari penyakit Hepatitis B, Campak (*Measles*), Beguk (*Mumps*), Polio dan Tetanus. Sementara itu, pemberian vaksin bagi mereka yang berisiko tinggi seperti penghidap penyakit-penyakit kronik, pengendali makanan dan pekerja-pekerja kesihatan (*frontliners*) dapat memberikan perlindungan dari penyakit-penyakit yang boleh mengancam nyawa seperti *influenza* dan *meningitis* yang lazimnya dihidapi semasa umur dewasa.

6. Menurut kajian yang telah dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pemberian Vaksin *Human Papilloma Virus* yang dikhususkan untuk kanak-kanak perempuan di Tahun 7

persekolahan telah terbukti dapat mencegah atau mampu mengurangkan risiko kanser servik apabila mereka meningkat dewasa nanti. Secara ringkasnya, program imunisasi yang bersesuaian telah terbukti boleh menyelamatkan nyawa dan mampu memberikan kualiti kehidupan yang lebih tinggi, serta menjamin kesihatan masa depan yang lebih cerah kepada setiap individu.

7. Dalam perihal mandat Negara, iaitu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit 2003 Seksyen 47 Bab 1 antara lain menyatakan bahawa para ibubapa atau penjaga hendaklah memastikan anak-anak mereka diberikan vaksinasi lengkap bagi melindungi dari penyakit-penyakit berjangkit mengikut Jadual 4 dari akta tersebut yang meliputi 10 jenis penyakit iaitu *Diphtheria*, *Haemophilus Influenza B*, *Hepatitis B*, *Measles*, *Mumps*, *Pertussis*, *Polio*, *Rubella*, *Tetanus* dan *Tuberculosis*. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua ibubapa mengambil serius akan perkara ini dan bertekad untuk lebih komited dalam memastikan anak-anak mereka telah menerima vaksinasi yang lengkap mengikut jadual yang telah ditetapkan dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Kesihatan di seluruh negara.

8. Alhamdulillah saya juga ingin mengongsikan bahawa di atas komitmen yang berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pula, Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan – khususnya di bawah program imunisasi bagi yang berisiko tinggi dan penjagaan kesihatan awam telah berjaya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas dari *Malaria* oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987; bebas dari *Polio* pada tahun 2000, bebas dari *Measles* pada tahun 2015 dan bebas dari *Rubella* pada bulan November 2018. Pencapaian ini patut kita teruskan dan kekalkan, dan kita perlu terus berusaha untuk mencapai kecapaian yang sama bagi penyakit-penyakit lain, In Shaa Allah.

9. Dalam konteks COVID-19, syukur Alhamdulillah rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat beruntung kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 bermula pada 3 April 2021 yang lalu secara berperingkat mengikut fasa-fasa yang digariskan di dalam Strategi Vaksinasi Negara Brunei Darussalam. Setakat 23 April 2022, sebanyak 1,107,691 dos vaksin

COVID-19 telah diberikan di seluruh negara. Sebanyak 94.5% penduduk telah menerima sekurang-kurangnya dua dos vaksin COVID-19 dan 64.1% telah menerima dos penggalak. Program vaksinasi COVID-19 bagi remaja 12-17 tahun dan kanak-kanak 5-11 tahun juga telah menunjukkan sambutan yang menggalakkan.

10. Di kesempatan ini, dalam menyokong tema Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan adalah komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan imunisasi di Negara Brunei Darussalam bagi kanak-kanak dan berusaha untuk meningkatkan liputan imunisasi bagi mereka yang berisiko tinggi di setiap peringkat umur. Dalam masa yang sama, saya juga berharap Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia pada tahun ini akan dapat dijadikan sebagai satu iltizam yang kuat dan berkesan kepada kita semua sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk lebih menghargai kesihatan diri sendiri; lebih bertanggungjawab dalam memastikan pengambilan vaksin yang sepatutnya untuk mencapai 'Hidup Yang Lama bagi Semua'; merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'; dan mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu Pencapaian Kualiti Hidup Penduduk Yang Tinggi.

**-TAMAT-**